

## Pemeriksaan post-mortem bayi anda

Kami bersimpati dengan kehilangan anda

Anda diberikan lembaran maklumat ini kerana anda telah bersetuju ke atas pemeriksaan post-mortem untuk dijalankan ke atas bayi anda. Pemeriksaan ini akan membantu kami mempelajari sebanyak yang mungkin tentang sebab bayi anda meninggal.

Pasukan penjagaan kesihatan anda sepatutnya telah membincangkan pilihan anda untuk mendapati pemeriksaan lanjut. Anda juga seharusnya telah diberikan lain-lain maklumat bertulis, termasuk Memutuskan sama ada bayi anda harus mendapat pemeriksaan post-mortem.

Jika tiada, anda boleh meminta satu salinan. Atau imbas kod QR di penghujung helaian maklumat ini untuk membacanya.

Helaian maklumat ini menerangkan apa yang akan berlaku seterusnya, di mana pemeriksaan bakal dibuat dan siapa perlu anda hubungi untuk mendapat maklumat lanjut.

### Apa terjadi selepas anda bersetuju untuk post-mortem dijalankan?

Setelah anda meluangkan sedikit masa bersama bayi anda, pasukan penjagaan kesihatan anda akan memaklumkan kepada penyelararas Perkhidmatan Autopsi Perinatal Victoria (VPAS) bahawa bayi anda sudah sedia untuk pemeriksaan post-mortem. Penyelararas VPAS akan menguruskan pemindahan bayi anda ke tempat pakar untuk pemeriksaan.

Anda boleh menghubungi penyelararas VPAS dari masa bayi anda meninggalkan jagaan anda. Mereka sedia menjawab soalan anda dan memberi anda sebanyak mana maklumat yang anda kehendaki. Butiran mereka boleh didapati di penghujung lembaran maklumat ini.

### Bilakah post-mortem akan dijalankan?

Pemeriksaan post-mortem bayi anda akan dijalankan di:

- The Royal Women's Hospital, Parkville (Hospital Wanita Diraja, Parkville Hospital Patologi Kanak-Kanak Diraja)
- Monash Health, Clayton (Monash Pathology) [Pusat] Kesihatan Monash, Clayton (Patologi di Monash)
- The Mercy Hospital for Women, Heidelberg (Patologi Austin)

### Berapa lama masa yang diambil untuk pemeriksaan post-mortem take?

Pemeriksaan post-mortem bermula dengan ujian luaran seperti x-ray atau MRI. Ujian-ujian ini akan diselesaikan secepat mungkin tapi mungkin mengambil masa beberapa hari, bergantung kepada bila khidmat-khidmat tersebut boleh digunakan. Setelah ujian-ujian ini selesai, pemeriksaan dalaman (prosedur pembedahan) boleh dilakukan. Pemeriksaan dalaman ini akan mengambil masa lebih kurang tiga jam.

Kami fahami akan pentingnya anda mengetahui berapa lama masanya bayi anda akan berada di bawah jagaan kami, kerana ini mungkin mempengaruhi rancangan anda berkenaan pengkebumian bayi anda.

Sebaik sahaja bayi anda sampai ke tapak pakar, penyelararas VPAS boleh memberi gambaran yang lebih tepat tentang bila bayi anda akan dikembalikan kepada anda.

## Apa berlaku selepas post-mortem?

Setelah pemeriksaan post-mortem selesai, kami akan bekerjasama dengan pengarah pengkebumian anda untuk memindahkan bayi anda ke bawah jagaan mereka dengan selamat dan penuh hormat.

## Bolehkah anda melawat bayi anda selepas post mortem?

Ya. Sesetengah ibu bapa memilih untuk bersama bayi mereka setelah pemeriksaan post-mortem, sama ada ketika bayi di bawah jagaan pengarah pengkebumian atau, bagi sesetengah kes, di rumah.

Ini bergantung kepada keputusan peribadi keluarga anda.

Jika bayi anda telah melalui post-mortem penuh atau terhad, pakar patologi perinatal (seorang doktor) akan membuat hirisan pembedahan (keratan) untuk memeriksa tisu dan organ-organ. Sesudah pemeriksaan, mereka akan menutup hirisan-hirisan ini dengan berhati-hati. Setelah bayi anda dipakaikan dengan pakaian, hirisan-hirisan ini tidak dapat dilihat.

## Bilakah anda akan menerima keputusan post-mortem?

Setelah pemeriksaan post-mortem, pakar patologi perinatal akan menulis laporan terperinci tentang penemuan mereka. Laporan ini biasanya siap dalam masa 10 hingga 12 minggu, bergantung kepada ujian-ujian yang perlu dijalankan serta jangkamasa untuk mendapat keputusan.

Laporan ini akan dihantar kepada doktor yang telah menjaga anda dan bayi anda.

Mereka akan mengatur temujanji susulan bagi membincangkan penemuan dari pemeriksaan post-mortem bayi anda itu.

## Sokongan dan maklumat menanggapi pemergian

Sekiranya anda memerlukan maklumat dan sokongan lanjut, silalah berbincang dengan pasukan jagaan kesihatan anda

Anda boleh mengimbas kod-kod QR ini untuk mendapat maklumat

### Kehilangan

#### Sumber



### Keluarga VPAS

#### Maklumat



## Hubungi penyelaras VPAS sekiranya anda memerlukan butiran lanjut

**T** [1800 841 024](tel:1800841024)

**E** [VPAC@thewomens.org.au](mailto:VPAC@thewomens.org.au)

### Waktu

Isnin—Jumaat

9:00 pagi hingga 5:00 petang.